

PEMBERITAHUAN

**MEMORANDUM MENGGESA DIADAKAN
MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA (EGM)**

KEPADA
AHLI-AHLI
KESATUAN KAKITANGAN AM
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY
MALAYSIA (KURNIA)

TARIKH:
10 FEBRUARI 2010

PIHAK KURNIA TELAH MENERIMA MEMORANDUM PERMOHONAN MENGGESA DIADAKAN MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA (EGM) YANG TELAH DIHANTAR OLEH SAUDARA TERMIZI ABD RANI DAN RAKAN-RAKANNYA PADA 19 JANUARI 2010 TEPAT JAM 4:45 PETANG KEPADA SAUDARA SETIAUSAHA, KESATUAN KAKITANGAN AM INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (KURNIA).

KURNIA TELAH MENGADAKAN MESYUARAT AJK KERJA KHAS PADA 29HB JANUARI 2010 TEPAT JAM 10 PAGI DI PEJABAT KURNIA, TINGKAT 3, BANGUNAN PENTADBIRAN, UIAM DAN TELAH MEMBUAT KETETAPAN SEBULAT SUARA BAHAWA MEMORANDUM TERSEBUT ADALAH TERTOLAK DAN TIDAK SAH KERANA TERDAPAT KECACATAN ASAS DI DALAMNYA SEPERTI BERIKUT :

1. TERDAPAT TUJUH (7) PENANDATANGAN BUKAN AHLI KURNIA YANG SAH.
2. TERDAPAT SATU (1) PENANDATANGAN YANG SAH KEAHLIAN TETAPI MENANDATANGANI DUA (2) KALI DI HALAMAN YANG BERASINGAN.
3. TANDATANGAN DI DALAM MEMORANDUM TERSEBUT TIDAK MENGIKUT TURUTAN NOMBOR UNTUK HELAIAN YANG SETERUSNYA.

BERIKUT ADALAH JAWAPAN KEPADA SOALAN-SOALAN YANG TELAH DIKEMUKAKAN DI DALAM MEMORANDUM TERSEBUT:

1. SIAPA PRESIDEN KURNIA SEKARANG?

- 1.1 PRESIDEN KURNIA BAGI SESI 2008/2010 ADALAH TUAN HAJI AB. JALIL AB. WAHAB SEHINGGA PEMILIHAN AJK KERJA SESI AKAN DATANG.
- 1.2 NOTIS PEMBERITAHUAN KEPADA AHLI-AHLI KURNIA TELAH DIHEBAHKAN MELALUI LAMAN SESAWANG UIAM PADA 12 NOVEMBER 2009 JAM 2.06 PETANG DAN JUGA DI LAMAN SESAWANG KURNIA (<http://iiu.edu.my/kurnia/>) SETELAH MENGADAKAN MESYUARAT KHAS KURNIA PADA 20HB OGOS 2009 JAM 11:30 PAGI BERTEMPAT DI PEJABAT KURNIA, TINGKAT 3, BANGUNAN PENTADBIRAN, UIAM.
- 1.3 PERLANTIKAN PRESIDEN BARU INI ADALAH BERIKUTAN PERLETAKAN JAWATAN OLEH SAUDARA MUHAMMAD SHAHRIR MUHD SHARIFF SEBAGAI PRESIDEN KURNIA PADA 27HB JULAI 2009.

2. ADAKAH SAH MAJLIS JAWATANKUASA KERJA (MJK) MELANTIK PRESIDEN TANPA MELALUI MESYUARAT AGUNG?

MAJLIS JAWATANKUASA KERJA BERKUASA MELANTIK SEORANG AHLI YANG LAYAK UNTUK MENGISI TEMPAT YANG KOSONG SEPERTI TERTAKLUK DI BAWAH PERATURAN 12 (8) MUKASURAT 12-13. LANTIKAN TERSEBUT TELAH DISAHKAN OLEH JABATAN HAL EHWAL KESATUAN SEKERJA PADA 1HB SEPTEMBER 2009 YANG LALU.

3. KENAPA KEANGGOTAAN KEAHLIAN KUMPULAN SOKONGAN SATU (GRED 27-40) DIPERTIKAIKAN SEKARANG?

- 3.1 PIHAK KURNIA TIDAK PERNAH MEMPERTIKAIKAN KEAHLIAN DARIPADA KUMPULAN SOKONGAN SATU (GRED 27-40) MALAH SENTIASA MENGALU-ALUKAN DEMI KEBAIKAN BERSAMA.
- 3.2 SAYUGIA DIMAKLUMKAN BAHAWA SELEPAS DARIPADA MESYUARAT AGUNG YANG KE-10 PADA 5HB SEPTEMBER 2006, PIHAK KURNIA TELAH MENGHANTAR BORANG K(1) – AKTA KESATUAN SEKERJA 1959 [PERATURAN 16(2)] – PENDAFTARAN PINDAAN PERATURAN-PERATURAN KEPADA JHEKS MEMOHON UNTUK MELULUSKAN SKOP KEANGGOTAAN KEAHLIAN DARIPADA **GRED C DAN D** KEPADA **KUMPULAN KAKITANGAN AM (GRED 1 HINGGA 40)**, NAMUN PADA 15HB OGOS 2007 PIHAK KURNIA TELAH MENERIMA SURAT DARIPADA JHEKS YANG MENYATAKAN BAHAWA PERMOHONAN TERSEBUT DILULUSKAN PINDAANNYA SEPERTI BERIKUT:

“BATALKAN PERATURAN 3(1) YANG LAMA DAN GANTIKAN DENGAN PERATURAN 3(1) YANG BARU SEPERTI BERIKUT:

... KEANGGOTAAN KESATUANINI TERBUKA KEPADA SEMUA KAKITANGAN DALAM GRED 1 HINGGA 26 YANG DIGAJI OLEH INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY, MALAYSIA KECUALI PEKERJA-PEKERJA YANG DIGAJI DALAM JAWATAN PENGURUSAN, EKSEKUTIF, SULIT DAN KESELAMATAN. MEREKA ITU HENDAKLAH BERUMUR LEBIH DARI 16 TAHUN DAN MEMPUNYAI TEMPAT KERJANYA DI SEMENANJUNG MALAYSIA DENGAN SYARAT SESEORANG YANG MASIH DIBERI PELAJARAN MENURUT AKTA PELAJARAN 1961, TIDAK BOLEH MENJADI AHLI KECUALI JIKA SEKIRANYA IA:

- (A) SEBENARNYA SESEORANG PEKERJA MENURUT TAKRIF AKTA KESATUAN SEKERJA 1959; DAN
- (B) BERUMUR LEBIH DARI 18 TAHUN ...”

3.3 EXCO TERTINGGI KURNIA TELAH DIPANGGIL UNTUK MEMBERI PENJELASAN KEPADA PIHAK JHEKS PADA 14HB OKTOBER 2009 BERIKUTAN TERDAPAT ADUAN RASMI DARIPADA BEBERAPA ORANG AHLI YANG TELAH MELAPORKAN BAHAWA KURNIA TELAH MELAKUKAN PELANGGARAN PERATURAN 3(1) BERSABIT PENERIMAAN KEAHLIAN DI KALANGAN GRED 27-40 DAN BEBERAPA PERKARA LAIN TURUT DIBANGKITKAN.

3.4 BERIKUTAN DARIPADA ITU SURAT SUSULAN DARIPADA JHEKS BERTARIKH 28HB OKTOBER 2009 TELAH DITERIMA DAN MENGARAHKAN SUPAYA KURNIA MEMBERI SURAT MAKLUMAN KEPADA MEREKA YANG TERLIBAT MEMAKLUMKAN MENGENAI STATUS MEREKA DI DALAM SKOP KEANGGOTAAN KESATUAN YANG TERMAKTUB DI BAWAH PERATURAN 3(1) PERATURAN-PERATURAN KESATUAN YANG SEKALIGUS SECARA LANGSUNG MEMBATALKAN KEAHLIAN BAGI MEREKA YANG TERBABIT; IAITU:

“... KEANGGOTAAN KESATUANINI TERBUKA KEPADA SEMUA KAKITANGAN DALAM GRED 1 HINGGA 26 YANG DIGAJI OLEH INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY, MALAYSIA KECUALI PEKERJA-PEKERJA YANG DIGAJI DALAM JAWATAN PENGURUSAN, EKSEKUTIF, SULIT DAN KESELAMATAN. MEREKA ITU HENDAKLAH BERUMUR LEBIH DARI 16 TAHUN DAN MEMPUNYAI TEMPAT KERJANYA DI SEMENANJUNG MALAYSIA DENGAN SYARAT SESEORANG YANG MASIH DIBERI PELAJARAN MENURUT AKTA PELAJARAN 1961, TIDAK BOLEH MENJADI AHLI KECUALI JIKA SEKIRANYA IA:

- (C) SEBENARNYA SESEORANG PEKERJA MENURUT TAKRIF AKTA KESATUAN SEKERJA 1959; DAN
- (D) BERUMUR LEBIH DARI 18 TAHUN ...”

4. APA STATUS YURAN KEAHLIAN KUMPULAN SOKONGAN SATU (GRED 27-40), ADAKAH PERLU DIPULANGKAN?

- 4.1 BERIKUTAN TERBATALNYA KEANGGOTAAN BAGI GRED 27-40, DALAM MESUARAT KURNIA NO. 10/2009 PADA 4HB NOVEMBER 2009 JAM 3:00 PETANG TELAH MEMBINCANGKAN STATUS YURAN KEAHLIAN KUMPULAN SOKONGAN SATU (27-40) DAN TELAH MENGAMBIL KATA PUTUS SEBAGAI BERIKUT:
- 4.1.1 SETELAH MENDAPAT SURAT DARIPADA JHEKS MENGENAI TERBATALNYA KEANGGOTAAN GRED 27-40, PIHAK KURNIA TELAH MENGHANTAR SURAT ‘PEMBERHENTIAN POTONGAN GAJI YURAN BULANAN AHLI KURNIA GRED GAJI 27-40’ KEPADA PIHAK PENGARAH EKSEKUTIF, BAHAGIAN KEWANGAN UIAM PADA 22HB OKTOBER 2009.
- 4.1.2 PADA 12HB NOVEMBER 2009 PIHAK KURNIA TELAH MENGHANTAR SURAT KEPADA MEREKA YANG TERLIBAT; TENTANG ‘PEMBAYARAN BALIK YURAN AHLI KURNIA GRED GAJI 27-40’ YANG TURUT SERTA MENGEPILKAN SURAT JAWAPAN UNTUK DIKEMBALIKAN KEPADA BENDAHARI, KESATUAN KAKITANGAN AM, IIUM (KURNIA) DENGAN AYAT; DIBAYAR BALIK ATAU DIDERMAKAN KEPADA KURNIA.
- 4.1.3 PIHAK KURNIA HANYA AKAN MEMBAYAR BALIK YURAN BERKENAAN KEPADA SESIAPA YANG TELAH MENGEMBALIKAN SURAT JAWAPAN TERSEBUT KEPADA PIHAK KURNIA.
- 4.1.4 PEMBAYARAN SEMULA KEPADA AHLI-AHLI YANG TERBATAL KEANGGOTAAN SEBAGAI AHLI KURNIA SEDANG DI DALAM PROSES TERAKHIR.

5. APA STATUS TERKINI YANG TELAH DIBUAT OLEH KURNIA UNTUK OPSYEN PENCEN UIAM SEPERTI YANG DIMANDATKAN OLEH AHLI PADA MESYUARAT AGUNG KALI KE-13 PADA 29HB JULAI 2009.

- 5.1 PIHAK UIAM SEDANG MENGAMBIL TINDAKAN SERIUS TERHADAP PERKARA INI DAN TELAH BERMESYUARAT BEBERAPA KALI DENGAN PIHAK YANG BERKAITAN.
- 5.2 KETERANGAN LANJUT AKAN DIBENTANGKAN DI DALAM LAPORAN AKTIVITI-AKTIVITI MESYUARAT AGUNG KURNIA YANG AKAN DATANG.

6. APA STATUS BERGABUNG DENGAN CEUPACS SEPERTI YANG TELAH DILULUSKAN SEBULAT SUARA PADA MESYUARAT AGUNG KALI KE-13 PADA 29HB JULAI 2009?

- 6.1 BORANG PERMOHONAN UNTUK BERGABUNG DENGAN CEUPACS TELAH DIHANTAR PADA 26HB OGOS 2009 KEPADA JHEKS SEBELUM IANYA DIMAJUKAN KE PIHAK YANG HENDAK DIPOHON KEANGGOTAANNYA (SILA RUJUK PERKARA VII, *FEDERATION OF TRADE UNION*, AKTA KESATUAN SEKERJA 1959)
- 6.2 MAKLUMAN DARIPADA PIHAK JHEKS MENGATAKAN BAHAWA PERMOHONAN TERSEBUT TIDAK DAPAT DIPROSES BAGI TUJUAN TERSEBUT ADALAH DISEBABKAN OLEH KEENGGANAN PEMANGKU PRESIDEN (PADA KETIKA ITU) UNTUK TIDAK MENANDATANGANI BORANG U (TRADE UNIONS ACT 1959 – SECTION 40 AND REGULATION 26).

7. MENGGESEN DIADAKAN PEMILIHAN BARU MAJLIS JAWATANKUASA KERJA (MJK) TERMASUK PRESIDEN DAN EXCO-EXCO.

- 7.1 OLEH KERANA MEMORANDUMINI TELAH DIPUTUSKAN OLEH AJK KERJA KURNIA DI DALAM MESYUARAT KHAS AJK PADA 22HB JANUARI 2010 JAM 10 PAGI, YANG LALU DENGAN SEBULAT SUARA SEBAGAI TERTOLAK DAN TIDAK SAH MAKA PERKARAINI DIPUTUSKAN SEBAGAI TIDAK PERLU DILAKSANAKAN.
- 7.2 DIMAKLUMKAN JUGA BAHAWA TEMPOH UNTUK MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG KALI KE-14 DAN PEMILIHAN ADALAH BEGITU HAMPIR IAITU SELEPAS 31HB MAC 2010 SEBAGAIMANA YANG TELAH TERTAKLUK DI BAWAH PERATURAN 9(1)); MAKA DENGAN ITU PIHAK AJK KERJA KURNIA MENGAMBILKIRA UNTUK MENGADAKANNYA SEAWAL MUNGKIN.

**SETIAUSAHA
KESATUAN KAKITANGAN AM
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA (KURNIA)
FEBRUARI 10, 2010**